



SIARAN MEDIA

KPKT PERAKUI 30 PBT BAGI PENARAFAN BANDAR PINTAR MALAYSIA 2025

PUTRAJAYA, 22 Oktober 2025 – Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu telah mempengerusikan **Mesyuarat Majlis Bandar Pintar Negara (MBPN) Tahun 2025** bagi membincangkan dasar dan menetapkan hala tuju strategik pelaksanaan bandar pintar di Malaysia. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh pegawai kanan kementerian yang berkaitan, wakil-wakil Kerajaan Negeri dan pengurusan tertinggi KPKT.

Mesyuarat MBPN Tahun 2025 telah **meluluskan dua (2) kertas pertimbangan dan dua (2) kertas makluman** yang membincangkan status pelaksanaan inisiatif bandar pintar negara serta menetapkan hala tuju pelaksanaan bandar pintar untuk mencapai Negara Pintar (*Smart Nation*) pada 2040.

Berpandukan kepada indikator bandar pintar di bawah **Malaysia Standard (MS) ISO 37122:2019 (*Smart City Indicators*)**, MBPN Tahun 2025 telah **memperakui pencapaian 30 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** yang berjaya memperoleh **Penarafan Bandar Pintar Malaysia bagi tahun 2025** seperti berikut:

- i. 27 PBT menerima penarafan Tahap 1 : *Smart City Early Adopter*;
- ii. 2 (Dua) PBT menerima penarafan Tahap 2: *Developing Smart City*; dan
- iii. Satu (1) PBT telah diiktiraf mencapai Tahap 3: *Leading Smart City* — buat julung kalinya sejak penarafan ini dilaksanakan.

PBT yang berjaya mencapai penarafan ini akan menerima penganugerahan daripada YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 28 Oktober 2025 sempena Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia Tahun 2025 yang akan diadakan di Putrajaya.

Semenjak program penarafan bandar pintar diperkenalkan oleh KPKT bermula pada tahun 2023 sebanyak **75 PBT** telah menerima penarafan iaitu :

- i. 70 PBT menerima Tahap 1: *Smart City Early Adopter*;
- ii. Empat (4) PBT menerima Tahap 2: *Developing Smart City*; dan
- iii. Satu (1) PBT telah berjaya mencapai Tahap 3: *Leading Smart City*.

PBT yang berjaya telah diberikan **geran peruntukan khusus bagi melaksanakan projek-projek bandar pintar di kawasan masing-masing**. Hal ini selaras dengan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) yang mana KPKT menyasarkan sebanyak 115 PBT diiktiraf sebagai *Smart City Early Adopter* menjelang tahun 2030.

Selain itu, mulai tahun ini **satu inisiatif baru turut diperkenalkan iaitu Penarafan Perbandaran Pintar atau Smart Township kepada pemaju**. Penarafan ini yang julung kali diperkenalkan oleh KPKT mempunyai tiga (3) tahap iaitu *Silver*, *Gold* dan *Platinum*. Objektif utama penarafan ini adalah untuk mengiktiraf kawasan perbandaran yang telah melaksanakan inisiatif bandar pintar (*smart city*) berpandukan kepada indikator-indikator penilaian bandar pintar di bawah Malaysia Standard (MS) ISO 37122:2019 (*Smart City Indicator*). Sebanyak 15 permohonan *Smart Township* telah diterima daripada pemaju swasta dan lima (5) *township* telah berjaya mendapat penarafan iaitu masing-masing dua (2) *township* mendapat tahap *Silver* dan *Gold*. Manakala satu *township* telah mendapat penarafan *Platinum*.

Usaha KPKT dalam melaksanakan penarafan ini dilihat sebagai pemangkin kepada hasrat menjadikan **Malaysia sebuah Negara Pintar (Smart Nation) menjelang tahun 2040**, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI untuk memperkukuh kecekapan tadbir urus, meningkatkan kesejahteraan rakyat serta menjamin kemampanan bandar demi masa depan negara yang lebih gemilang.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertivi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 / Faks : 03-8891 5557 / E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

